

12/10/2003

Usaha tolak kepulauan Chin Peng wajar

USAHA menamatkan perjuangan berdarah Parti Komunis Malaya (PKM) selama lebih 40 tahun di negara ini dilakukan melalui pendekatan korporat yang mementingkan penjimatan masa dan wang setelah mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini kerana perunding dari Malaysia - Rahim Noor (Tan Sri) dan Yau Kong Yew (kedua-duanya pegawai kanan cawangan khas Polis Diraja Malaysia) menunjukkan gambar mereka bersama Mahathir bagi meyakinkan wakil PKM bahawa mereka berkuasa bercakap dan berunding.

Tugas Rahim dipermudahkan apabila Ketua Polis Negara, Haniff Omar (Tun) memberi ruang yang luas untuknya bergerak dalam penerokaan jalan perdamaian itu.

"Pertemuan awal peringkat rendah antara pegawai cawangan khas (PCK) dan PKM rejimen ke-10 berlangsung di Haadyai dan Pulau Pinang pada 1988," kata penulis buku 'Wira Tak Didendang', Datuk Zainuddin Maidin (ZAM). Buku itu bakal diterbitkan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd tidak lama lagi.

Zainuddin, Timbalan Menteri Penerangan adalah Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad ketika itu yang turut membuat liputan mengenai upacara bersejarah iaitu perjanjian perdamaian di Haadyai.

Perjanjian damai tiga penjuru antara PKM, Kerajaan Thai dan Malaysia akhirnya ditandatangani di Hotel Lee Garden Haadyai pada 2 Disember 1989 dalam keadaan riuh-rendah tanpa kawalan keselamatan ketat.

"Tetamu penting tidak dapat menyaksikan upacara itu kerana dilindungi jurugambar. Ternyata tidak ada persiapan sewajarnya. Barangkali kerajaan Malaysia dan Thailand tidak mahu memberikan pengertian besar kepada pengakhiran suatu perjuangan panjang PKM yang gagal.

"Berikutan dengan perjanjian damai itu, unit bersenjata rejimen ke-12 dan ke-10 PKM dibubarkan. PKM menghentikan perjuangan bersenjata dan memusnahkan senjata mereka PKM juga berikrar taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan negara. Chin Peng kemudian melawat rejimen ke-10 selama empat hari untuk membubarkan PKM," kata Zainuddin.

Beliau berkata, kejayaan hasil rundingan damai itu sebenarnya adalah hasil daripada satu perundingan panjang yang tersembunyi di belakang tabir selama lebih setahun antara tiga pihak dan PCK berperanan utama.

Sebelum memulakan rundingan, Rahim dan Yau mencadangkan projek khas 'perjanjian damai' dengan PKM kepada bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan Dr Mahathir. Ia bertujuan membebaskan rakyat selama-lamanya dari ancaman komunis.

Tunku tidak menunjukkan reaksi yang meyakinkan tetapi tidak menghalang mereka berunding dengan PKM. Rahim menjadikan perundingan Tunku dengan Chin Peng sebagai panduan bergunanya.

Setelah menyiapkan rangka kerja strategi dan operasi 'projek khas', Rahim dan Yau sekali lagi bertemu Dr Mahathir pada pertengahan 1988 untuk memberikan laporan bagi melaksanakan tugas mereka.

"Mereka bergambar dengan Dr Mahathir tetapi bukan untuk album tetapi untuk membuktikan PKM bahawa mereka berada pada kedudukan penting dan diberikan kuasa untuk berunding," katanya.

Masalah besar ketika itu kesukaran untuk menyampaikan kesediaan berunding dengan PKM. Ini kerana pemimpin tertinggi PKM beroperasi dari Republik Rakyat China sejak 1961.

Pertemuan pertama kali diadakan pada 23 dan 24 Mei 1988 di Haadyai dan

diikuti pertemuan di Pulau Pinang pada Ogos tahun sama. Pertemuan ketiga diadakan di Haadyai pada Oktober 1988.

Perundingan peringkat tinggi di antara PCK dan PKM diadakan di Phuket selama lima kali sepanjang 1989. Wakil dari PCK termasuk Pegawai Turus Kanan E2 PDRM, Norian Mai (sekarang Tan Sri).

Di meja perundingan itu, PKM menolak tawaran menyerah diri dan penahanan sementara apabila mereka pulang ke Malaysia, sebagai syarat pengampunan sekalipun diberitahu, ia hanyalah satu simbol saja.

PKM berkeras mahu diisytiharkan penamatan perjuangan mereka sebagai penyelesaian menerusi perundingan. Rundingan dipersukarkan dengan tuntutan supaya Tugu Peringatan Negara dimusnahkan dan menuntut anggota PKM yang pulang ke Malaysia diberi tanah seluas empat hektar.

Pada peringkat awal perundingan, mereka mengusulkan PKM diterima menganggotai kerajaan melalui pembentukan semacam `kerajaan campuran' dan anggota PKM diserapkan ke dalam pasukan polis atau tentera.

Zainuddin berkata, Rahim menerangkan risiko politik jika tuntutan PKM dipenuhi dan diterima oleh wakil PKM seperti Rashid Maidin.

Chin Peng tidak menyertai semua rundingan dan diwakilkan kepada Ah Yen. Beliau hanya tiba di Phuket pada 3 November ketika perundingan berada pada peringkat akhir.

Dalam persetujuan yang dicapai, PKM tetap diharamkan dan bekas anggotanya jika hendak bergiat dalam politik mestilah mendapat kebenaran terlebih dulu daripada kerajaan Malaysia.

Jadi, keputusan muktamad kerajaan menolak Chin Peng untuk kembali ke Malaysia memang tepat.